

# Petronas majukan empat kawasan cari gali minyak

UM 7 0 330 2002

**Y**ANGON 19 Ogos — Petronas menerusi Petronas Carigali Myanmar II Inc. diberi tanggungjawab untuk memajukan empat lagi kawasan cari gali minyak di luar pantai Myanmar.

Kesemua kawasan terabit yang dikenali sebagai blok M-15, M-16, M-17 dan M-18 terletak di Tanintharyi, selatan Myanmar dan saiz setiap satu blok ialah antara 13,500 kilometer persegi (km/p) hingga 14,200 km/p.

Blok M-15 terletak paling hampir dengan blok M-14 yang merupakan kawasan pengeluaran gas yang telah dimajukan iaitu sebahagian daripada Projek Gas Yetagun yang mana Petronas turut terlibat.

Petronas Carigali Myanmar II Inc. merupakan anak syarikat milik penuh Petronas Carigali Sdn. Bhd. - organ cari gali dan pengeluaran Petronas.

Kontrak pembangunan empat kawasan cari gali itu disempurnakan di Hotel Sedona di sini, sejurus selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan ucapan pada Persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia di situ.

Dr. Mahathir turut menyaksikan upacara memeterai kontrak tersebut yang dilakukan oleh Presiden Petronas, Tan Sri Mohd. Hassan Marican dan Timbalan Menteri Tenaga Myanmar, U Tin Tun. Upacara itu turut disaksikan oleh Setiausaha 1 Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) Myanmar, Leftenan Jeneral Khin Nyunt.

Berdasarkan kontrak tersebut, Petronas Carigali Myanmar II Inc. akan me-

miliki 100 peratus ekuiti serta menjadi operator di empat blok tersebut.

Kontrak itu juga membolehkan Myanmar Oil and Gas Enterprise (MOGE), setelah penemuan komersial, mempunyai pilihan untuk terlibat dengan ekuiti sehingga 20 peratus sepanjang fasa pembangunan dan pengeluaran blok-blok itu.

Petronas dalam satu kenyataan di situ, menyifatkan penganugerahan kontrak terbaru itu menggambarkan komit-

men Petronas untuk terus terlibat sebagai rakan strategik khususnya dalam bidang minyak dan gas.

Penglibatan Petronas dalam Projek Gas Yetagun bermula pada tahun 1997 lagi apabila ia mengambil 30 peratus kepentingan projek daripada Texaco Inc.

Projek itu mengandungi kawasan pengeluaran yang dikenali sebagai M-12, M-13 dan M-14 di Teluk Martaban.

Rakan Petronas dalam

projek tersebut ialah Petroleum Authority of Thailand E & P International (14.17 peratus ekuiti), Nippon Oil (14.17 peratus), MOGE (15 peratus) dan Premier Petroleum Myanmar Ltd. (27.67 peratus).

Gas dari projek Yetagun mula dikeluarkan pada Mei 2000 kepada Petroleum Authority of Thailand menerusi saluran paip merentasi sempadan. Projek itu kini menghasilkan 200 juta kaki padu gas sehari.

Dr. Mahathir dan Khin Nyunt turut menyaksikan upacara memeterai satu lagi perjanjian dan satu memorandum persefahaman (MoU) di tempat yang sama.

Perjanjian berkenaan ialah Perjanjian Perkhidmatan Telekomunikasi Antarabangsa, melibatkan Maxis International Sdn. Bhd. dan Pos dan Telekomunikasi Myanmar.

Ia bertujuan untuk mempertingkatkan kemudahan telekomunikasi di Myanmar.

Sementara itu, MoU berkenaan ialah mengenai Pelan Bertindak dan Pembangunan Strategi Yangon antara Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Institut Sultan Iskandar (ISI) Universiti Teknologi Malaysia dengan Jawatankuasa Pembangunan Bandaraya Yangon.

Pengerusi Bersama (Kerajaan) MIGHT, Tan Sri Dr. Zaharudin Idrus berkata, MoU berkenaan bertujuan untuk merangka pelan induk strategik bagi bandar raya Yangon, dengan mempertahankan ciri-ciri warisan bandar raya dalam taman.

Ia kelak akan membolehkan Yangon bertukar menjadi bandar raya perusahaannya, tetapi kekal dengan keindahan.

Daya usaha tersebut menggambarkan 'model baru kerjasama Selatan-Selatan di dalam komuniti ASEAN', dengan MIGHT memainkan peranan besar dalam memajukan platform baru bagi rakan kongsi bijak antara Malaysia dan Myanmar. — Utusan